# Saling mengingati jangan terjebak rasuah

Mohamad Hafizi Mohd Said
13 September 2017



Datu Nasrun, (berdiri dua kiri) bersama Norhaini (berdiri kiri) dan Pengarah SPRM Perak, Datuk Nooraziah Abd Manaf (berdiri kanan) melihat Pengarah-Pengarah Bahagian LKM menandatangani IBR LKM.

(Ubah saiz teks)

BAGAN DATUK - Semua pegawai dan kakitangan Lembaga Koko Malaysia (LKM) disarankan supaya saling mengingati sesama sendiri daripada terjebak dalam kesalahan rasuah.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur berkata, bagi memastikan ia berjaya usaha penerapan, penghayatan dan pengamalan integriti serta nilai-nilai murni perlu diberi keutamaan secara berterusan.

"Kepada semua warga LKM sama ada di peringkat pengurusan atau kumpulan pelaksana, saya berharap anda dapat menghayati pengertian pengurusan berintegriti sebagai tonggak kejujuran dan keikhlasan dalam kerjaya dan perkhidmatan di sektor awam.

"Berintegriti bukan sahaja untuk menangani gejala rasuah tetapi juga mengelakkan penyelewengan dan salah guna kuasa," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Bengkel Pemantapan C-Team 2.0 dan Lafaz serta Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) LKM, di Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Koko, Bagan Datuk, petang tadi.

Menurut Datu Nasrun, dengan adanya pelaksanaan IBR dan Pelan Integriti LKM ia diharap dapat meningkatkan imej serta mengukuhkan tahap keyakinan pemegang saham, pelanggan-pelanggan dan kumpulan sasar terhadap pengurusan LKM.

Sementara itu, Ketua Pengarah LKM, Datin Norhaini Udin berkata, majlis IBR yang berlangsung petang tadi melibatkan hampir 100 pegawai dan kakitangan LKM seluruh negara.